



# SOP MAJLIS / BUFFET BERBUKA PUASA / BERSAHUR (PKPB)

DIKEMASKINI: 13 APRIL 2021

## Merangkumi:

- Majlis Berbuka Puasa.
- Buffet Ramadhan di Restoran / Hotel / Coffee House / Premis Jualan Makanan.
- Waktu operasi kedai makan untuk bersahur.

## Perkara Dibenarkan:

- Tempat penganjuran majlis di dalam dewan atau premis atau tempat terbuka

## Perkara Tidak Dibenarkan:

- Majlis/Bufet Ramadhan tidak dibenarkan sekiranya sukar untuk mengawal keadaan di mana terdapat ramai orang pada satu-satu masa *dan* sukar untuk mengawal keperilakuan.
- Hidangan makanan secara **buffet layan diri**.
- Pergerakan ke kawasan PKPP / PKP / PKPD.
- Penganjuran di kawasan PKP dan PKPD
- *Patient under Investigation* (PUI) & *Person under Surveillance* (PUS) tidak dibenarkan hadir.

## Arahan Tetap:

- Peraturan 18 P.U. (A) 97/2021.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- SOP-SOP berkaitan yang diluluskan oleh KKM dan MKN di bawah Akta 342.
- SOP-SOP berkaitan dibawah Kementerian dan Agensi.
- Peraturan di bawah PBT.

## Waktu Beroperasi

Penganjuran Majlis / Buffet Berbuka Puasa dibenarkan sehingga 12.00 tengah malam atau mengikut syarat lesen / permit perniagaan. Bagi hotel / restoran / kedai makan / *coffee house* yang menyediakan juadah sahur dibenarkan melanjutkan operasi sehingga jam 6.00 pagi.

## Kapasiti Tetamu/Pelanggan

50% daripada kapasiti ruang majlis/ dewan (hotel) dan 100% bagi Restoran/Kedai Makan/*Coffee House* dengan penjarakan fizikal.

## AKTIVITI DAN PROTOKOL BAGI PENGANJUR MAJLIS/ PENGUSAHA BUFFET RAMADHAN

Tindakan	Penerangan Ringkas
Proses Kehadiran Tetamu/Pelanggan	<ol style="list-style-type: none"> <li>Menetapkan dan <b>menandakan secara jelas laluan khas keluar dan masuk tetamu/pelanggan dan perimeter kawasan majlis/tempat berbuka puasa</b> terutamanya bagi penganjuran majlis di tempat terbuka atau rumah persendirian</li> <li><b>Kaunter pendaftaran</b> hendaklah diwujudkan di pintu masuk bertujuan memastikan bilangan kehadiran, membuat <b>pemeriksaan suhu badan</b>, saringan gejala batuk, sakit tekak, selsema dan sesak nafas. Tetamu/pelanggan dengan suhu badan melebihi 37.5 celsius atau bergejala tidak dibenarkan masuk.</li> <li>Penganjur/pengusaha/petugas/pramusaji (<i>waiter</i>)/pekerja juga perlu menjalani saringan kesihatan dan tidak bergejala.</li> <li>Penganjur/pengusaha dan tetamu/pelanggan <b>diwajibkan memakai pelitup muka (<i>face mask</i>)</b>.</li> <li>Memastikan tetamu/pelanggan <b>mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter</b> semasa menunggu giliran di kaunter pendaftaran.</li> <li>Petugas di kaunter pendaftaran perlu memastikan tetamu/pelanggan membersihkan tangan (<i>hand sanitizer</i>) sebelum masuk.</li> <li>Mengawal pintu masuk dan kehadiran tetamu/pelanggan yang masuk ke dalam ruang majlis.</li> <li>Kehadiran tetamu/pelanggan hendaklah seramai <b>50% daripada kapasiti ruang/ dewan (hotel) dan 100% mengikut ruang bagi restoran/Coffee House dan kedai makan</b> dengan mematuhi penjarakan fizikal.</li> </ol>
Pendaftaran tetamu/pelanggan	<ol style="list-style-type: none"> <li>Semua penganjur majlis/pengusaha buffet Ramadhan mesti <b>mendaftarkan tetamu/pelanggan</b> untuk simpanan dan rekod sekiranya berlaku kes jangkitan dengan menggunakan <b>aplikasi MySejahtera</b> atau secara manual (nama dan no. Telefon)</li> <li>Kehadiran tetamu/pelanggan dari kalangan bayi dan kanak-kanak tidak digalakkan.</li> </ol>
Ruang Majlis/ Buffet Ramadhan	<ol style="list-style-type: none"> <li>Melakukan <b>pembersihan dan disinfeksi</b> mengikut garis panduan KKM sebelum dan selepas majlis/buffet Ramadhan di kawasan ruang majlis/ruang makan, kerusi dan meja, alatan catering, surau, tandas dan mana-mana kawasan, permukaan atau alatan/barangan yang kerap disentuh.</li> <li>Memastikan tempat penganjuran majlis/ruang makan mempunyai pengudaraan yang baik.</li> <li><b>Memperbanyakkan tempat (<i>station</i>) hidangan buffet bagi mengelakkan tetamu/pelanggan tertumpu atau bersesak di satu-satu tempat sahaja.</b></li> <li>Memastikan penjarakan fizikal tetamu/pelanggan sekurang-kurangnya 1 meter semasa di meja makan.</li> <li>Sebarang penyediaan makanan adalah sama ada secara <i>pack-food</i>, hidangan (<i>served</i>), <i>dome setting</i> atau <b>buffet yang hanya diseliakan oleh pramusaji atau pekerja untuk mencedok makanan ke pinggan tetamu / pelanggan.</b></li> <li>Pramusaji/petugas/pekerja mesti memakai pelitup muka semasa menghidangkan makanan.</li> </ol>



# SOP MAJLIS / BUFFET BERBUKA PUASA / BERSAHUR (PKPB)

DIKEMASKINI: 13 APRIL 2021

## Merangkumi:

- Majlis Berbuka Puasa.
- Buffet Ramadhan di Restoran / Hotel / Coffee House / Premis Jualan Makanan.
- Waktu operasi kedai makan untuk bersahur.

### Waktu Beroperasi

Penganjuran Majlis / Buffet Berbuka Puasa dibenarkan sehingga 12.00 tengah malam atau mengikut syarat lesen / permit perniagaan. Bagi hotel / restoran / kedai makan / *coffee house* yang menyediakan juadah sahur dibenarkan melanjutkan operasi sehingga jam 6.00 pagi.

### Kapasiti Tetamu/Pelanggan

50% daripada kapasiti ruang majlis/ dewan (hotel) dan 100% bagi Restoran/Kedai Makan/Coffee House dengan penjarakan fizikal.

## AKTIVITI DAN PROTOKOL BAGI TETAMU MAJLIS/ PELANGGAN BUFFET RAMADHAN

## Perkara Dibenarkan:

- Tempat penganjuran majlis di dalam dewan atau premis atau tempat terbuka

## Perkara Tidak Dibenarkan:

- Majlis/Buffet Ramadhan tidak dibenarkan sekiranya sukar untuk mengawal keadaan di mana terdapat ramai orang pada satu-satu masa *dan* sukar untuk mengawal keperilakuan.
- Hidangan makanan secara **buffet layan diri**.
- Pergerakan ke kawasan PKPP / PKP / PKPD.
- Penganjuran di kawasan PKP dan PKPD
- *Patient under Investigation* (PUI) & *Person under Surveillance* (PUS) tidak dibenarkan hadir.

## Arahan Tetap:

- Peraturan 18 P.U. (A) 97/2021.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- SOP-SOP berkaitan yang diluluskan oleh KKM dan MKN di bawah Akta 342.
- SOP-SOP berkaitan dibawah Kementerian dan Agensi.
- Peraturan di bawah PBT.

Tindakan	Penerangan Ringkas
Proses Ketibaan Tetamu/Pelanggan	<ol style="list-style-type: none"> <li>Mengikut arahan penganjur/pengusaha di kaunter pendaftaran di pintu masuk bagi membuat pemeriksaan suhu badan dan saringan gejala batuk, sakit tekak, selsema dan sesak nafas. Tetamu/pelanggan dengan suhu badan melebihi 37.5 celsius atau bergejala tidak dibenarkan masuk.</li> <li>Para tetamu/pelanggan membersihkan tangan (<i>hand sanitizer</i>).</li> <li>Semasa menunggu giliran di kaunter pendaftaran, para tetamu/pelanggan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter dengan mengikut penandaan yang telah ditetapkan oleh penganjur/pengusaha.</li> <li>Tetamu/pelanggan diwajibkan memakai pelitup muka (<i>face mask</i>).</li> <li>Individu yang mempunyai penyakit kronik dinasihatkan untuk tidak menyertai atau hadir ke majlis/ buffet Ramadhan.</li> </ol>
Pendaftaran Tetamu/Pelanggan	<ol style="list-style-type: none"> <li>Semua tetamu/pelanggan mesti mendaftarkan nama, nombor telefon dan masa kehadiran seperti yang ditetapkan oleh penganjur majlis/pengusaha menggunakan aplikasi MySejahtera atau secara manual sekiranya di kawasan yang tiada liputan Internet.</li> </ol>
Semasa Majlis	<ol style="list-style-type: none"> <li>Mengambil kedudukan seperti yang telah ditanda atau ditetapkan oleh penganjur/pengusaha.</li> <li>Mengelakkan sembang dekat (<i>close conversation</i>).</li> <li>Beratur mengambil makanan secara tertib dalam kedudukan penjarakan 1 meter dan mengurangkan komunikasi semasa mengambil makanan yang disediakan.</li> <li>Makan dalam kedudukan penjarakan dan tidak berkumpul semasa makan.</li> <li>Tidak bersesak dan menjaga jarak di dalam lif, surau, tandas atau mana-mana ruang di tempat majlis/buffet Ramadhan dianjurkan.</li> <li>Tetamu/pelanggan digalakkan untuk membawa kelengkapan sembahyang/sejadah sendiri untuk solat di surau di tempat majlis/buffet Ramadhan dianjurkan.</li> <li>Dilarang berkumpul atau berhimpun di luar ruang majlis/buffet Ramadhan sebelum atau selepas selesai berbuka puasa</li> <li>Meninggalkan tempat dengan teratur dan tidak bersesak-sesak.</li> </ol>



# SOP MAJLIS / BUFFET BERBUKA PUASA / BERSAHUR (PKPB)

DIKEMASKINI: 13 APRIL 2021

## Merangkumi:

- Majlis Berbuka Puasa.
- Buffet Ramadhan di Restoran / Hotel / Coffee House / Premis Jualan Makanan.
- Waktu operasi kedai makan untuk bersahur.

## Waktu Beroperasi

Penganjuran Majlis / Buffet Berbuka Puasa dibenarkan sehingga 12.00 tengah malam atau mengikut syarat lesen / permit perniagaan. Bagi hotel / restoran / kedai makan / *coffee house* yang menyediakan juadah sahur dibenarkan melanjutkan operasi sehingga jam 6.00 pagi.

## Kapasiti Tetamu/ Pelanggan

50% daripada kapasiti ruang majlis/ dewan (hotel) dan 100% bagi Restoran/Kedai Makan/Coffee House dengan penjarakan fizikal.

## Perkara Dibenarkan:

- Tempat penganjuran majlis di dalam dewan atau premis atau tempat terbuka

## Perkara Tidak Dibenarkan:

- Majlis/Buffet Ramadhan tidak dibenarkan sekiranya sukar untuk mengawal keadaan di mana terdapat ramai orang pada satu-satu masa *dan* sukar untuk mengawal keperilakuan.
- Hidangan makanan secara **buffet layan diri**.
- Pergerakan ke kawasan PKPP / PKP / PKPD.
- Penganjuran di kawasan PKP dan PKPD
- *Patient under Investigation* (PUI) & *Person under Surveillance* (PUS) tidak dibenarkan hadir.

## Arahan Tetap:

- Peraturan 18 P.U. (A) 97/2021.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- SOP-SOP berkaitan yang diluluskan oleh KKM dan MKN di bawah Akta 342.
- SOP-SOP berkaitan dibawah Kementerian dan Agensi.
- Peraturan di bawah PBT.

Tindakan	Penerangan Ringkas
Majlis Berbuka Puasa di Masjid dan Surau	a. Majlis Berbuka Puasa (Iftar) dan bersahur di Masjid dan Surau adalah <b>tertakluk kepada kebenaran dan juga SOP Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri-Negeri.</b>